

CNS8231

U GB 07-09 00171 BBI76

BAH

WARTAWAN TIDAK DIKECUALIKAN DARIPADA UNDANG-UNDANG

Mahathir - Wartawan

I

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, wartawan tidak dianggap sebagai golongan yang mempunyai hak istimewa yang boleh mendapatkan rahsia kerajaan dan mereka hendaklah dilayan sama seperti orang lain mengikut undang-undang.

Sekiranya wartawan dikecualikan (daripada undang-undang) maka setiap orang akan menggunakan wartawan untuk memperolehi maklumat yang rahsia,+ kata Presiden UMNO pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini, hari ini.

+Wartawan tidak mempunyai hak keistimewaan, undang-undang kena pada semua pihak, sama rata,+ katanya ketika menjawab soalan bersabit hasrat kerajaan untuk menggunakan Akta Rahsia Rasmi (OSA) mengenai kontroversi pembelian kereta Volvo oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk para pegawai kanannya yang disiarkan secara meluas oleh akhbar-akhbar tempatan, baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata: +Sekiranya mereka melanggar undang-undang, kita terpaksa mengambil tindakan menurut undang-undang yang ada.

+Kita bertindak mengikut lunas-lunas yang ada mengenai perkara ini, anda mahu hak istimewa ke?, beliau bertanya. -- Lagi.

▼07/09/19-18MST

U GB 07-09 00102 BBI77

BAH

Mahathir - Wartawan 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir, bagaimanapun berkata: +Saya bersetuju sekiranya Dewan Rakyat bersetuju agar wartawan dikecualikan dan boleh mendapatkan semua rahsia. Jika dikecualikan, OK, saya akan patuh dengan kehendak undang-undang. Bagaimanapun undang-undang mengatakan tiada seorang pun yang dikecualikan,+ tambahnya.

Buat masa ini, hanya mereka yang telah memperolehi kebenaran yang boleh mendapatkan rahsia-rahsia kerajaan, katanya.

+Sekiranya ada orang ditangkap kerana mencuri maklumat, biarlah undang-undang menentukannya,+ tambahnya.

(Perdana Menteri telah berkata kerajaan mungkin menggunakan OSA terhadap para pegawai kerajaan dan wartawan yang bertanggungjawab membocorkan maklumat bersabit isu DBKL itu). -- Lagi.

▼07/09/19-33MST

U GB 07-09 00182 BBI78

BAH

Mahathir - Wartawan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Menurut Dr Mahathir, setakat ini, polis belum lagi menyoal-siasat mana-mana wartawan bersabit dengan siasatan ke atas isu itu.

Ketika menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata, sememangnya menjadi hak seseorang pegawai polis untuk menyoal sesiapa sahaja termasuk wartawan.

+Seperti yang saya sebut, wartawan bukan golongan yang mempunyai hak istimewa. Mereka boleh disoal,+ katanya.

Dr Mahathir juga menjawab tuduhan kononnya kerajaan Malaysia tidak mengamalkan kebebasan akhbar, dengan menyatakan bahawa di negara ini turut terdapat akhbar-akhbar yang menentang kerajaan dan menyokong parti pembangkang.

+Sesetengah badan yang menentang kerajaan, tidak pernah tulis sesuatu yang baik tentang kerajaan, tetapi kita tidak halang mereka membuat laporan yang berat sebelah,+ katanya.

Beliau berkata, pendirian akhbar di Malaysia sebenarnya didorong dasar majikan masing-masing.

Sambil menyatakan bahawa Malaysia mengamalkan demokrasi, beliau menambah kata, malahan ada pihak bukan kerajaan yang menyalahgunakan kuasa mereka untuk halang berita benar dalam akhbar-akhbar terbitan mereka.

Katanya, adalah menjadi perkara biasa di negara demokratik, wujudnya akhbar yang menyokong kerajaan dan juga yang menentang kerajaan. -- Bernama.

▼07/09/19-42MST